

Cuti 12,500 anggota bomba dibekukan sempena Tahun Baharu Cina



ISMAIL Abdul Muttalib (dua kiri) melancarkan Program Kesiapsiagaan Musim Perayaan dan Kempen Keselamatan Keluarga Malaysia di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Oleh SUBKHI SUDARJI | 23 Januari 2022, 6:42 pm

PUTRAJAYA: Cuti pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dibekukan bermula 24 Januari sehingga 8 Februari ini sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ismail Abdul Muttalib berkata, ia membabitkan keseluruhan 12,500 pegawai dan anggota bomba meliputi 324 balai di seluruh negara.

Katanya, menjelang Tahun Baharu Cina 1 Februari, JBPM menempatkan anggota dan aset di 17 lokasi strategik sepanjang Lebuh raya Utara Selatan dan Pantai Timur sepanjang tempoh itu.

“Selain melakukan rondaan di jalan-jalan Persekutuan dan negeri, JBPM turut melakukan rondaan serta pemantauan di kawasan rekreasi air seperti air terjun, tempat perkelahan awam serta pantai yang sering menjadi tumpuan orang awam.

"Bagi tujuan ini, JBPM merancang dan menyelaras cuti yang mana kelulusan cuti hanya dihadkan kepada 20 peratus daripada keanggotaan negeri, zon dan balai di samping memastikan keperluan aset, peralatan pemadaman serta penyelamatan dalam keadaan siap siaga dan mencukupi," katanya dalam majlis pelancaran Program Kesiapsiagaan Musim Perayaan dan Keselamatan Keluarga Malaysia hari ini.

Ismail berkata, statistik JBPM menunjukkan, pada tahun lalu, sebanyak 35,902 kes panggilan kebakaran diterima dan diambil tindakan, yang mana menyebabkan kerugian berjumlah RM1.76 billion.

"Statistik kes penyelamatan dan kematian akibat lemas pula masih merekodkan bilangan tinggi saban tahun dan perkara ini amat membimbangkan semua pihak," katanya.

Menurut beliau, mangsa meninggal akibat lemas pula adalah seramai 306 orang mencatatkan peningkatan sebanyak 28.06 peratus berbanding 2020.

Katanya, mengenai Perakuan Bomba (Fire Certificate-FC), dalam tahun lalu, terdapat 8,328 buah premis dikategorikan sebagai premis ditetapkan yang mana 641 daripada jumlah tersebut adalah daripada premis kerajaan, manakala 7,687 adalah premis swasta.

"Sepanjang tahun lalu juga, katanya, sebanyak 53 kes pelanggaran undang-undang diselesaikan di mahkamah bagi kesalahan di bawah Seksyen 32 dan 33 Akta Perkhidmatan Bomba 1984, iaitu kesalahan yang melibatkan FC.

"Sejumlah RM317,300 denda dikenakan kepada pemunya premis ditetapkan yang terbabit," katanya.